

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN OSCAR LING CHAI YEW**

**TARIKH : 19.5.2016**

**SOALAN : NO. 20**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ikhtiar yang diambil untuk mempertingkatkan kedudukan dunia universiti-universiti Malaysia dalam subjek-subjek bidang sains sosial dan kemanusiaan, terutamanya memperkenalkan Fakulti Falsafah, supaya merapatkan jurang prestasinya dengan bidang sains semula jadi, perubatan, kejuruteraan, perniagaan dan lain-lain.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap Universiti Awam (UA) mempunyai bidang tujahan masing-masing mengikut perancangan universiti bersesuaian dengan kepakaran sedia ada. Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan merupakan salah satu fokus utama selain bidang Sains Semula Jadi, Perubatan, Kejuruteraan dan Perniagaan.

Prestasi UA di dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan di peringkat antarabangsa amat membanggakan. Terbaharu, dalam penarafan berasaskan bidang oleh *QS World University Ranking By Subject 2016*, Universiti Penyelidikan berjaya berada di kedudukan 100 teratas bagi subjek bidang *Arts and Humanities* serta bidang *Social Sciences and Management*. Subjek yang tersenarai adalah *Architecture & Built Environment, English Language & Literature, Linguistics, Development*

*Studies, Education dan Social Policy & Administration. Subject Development Studies*, Universiti Malaya mendahului dengan kedudukan ke-30, manakala UA lain berjaya tersenarai dalam kelompok 200 teratas bagi subjek-subjek yang telah dinyatakan.

Usaha-usaha dalam meningkatkan kedudukan UA di peringkat dunia bagi subjek Sains Sosial dan Kemanusiaan adalah dengan melaksanakan Kajian Hala Tuju Bidang-Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kajian ini merangkumi isu-isu seperti perkembangan bidang, kurikulum pengajian, pembangunan bakat, kerjasama strategik antara Institusi Pendidikan Tinggi, kerjasama bersama industri serta isu dan cabaran yang dihadapi. Kajian tersebut dapat memberi panduan kepada universiti untuk mengambil tindakan bagi meningkatkan lagi pencapaian bagi bidang masing-masing. Antara kajian hala tuju yang telah diterbitkan bagi bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan adalah Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia, *The Future of Economics and Management Education in Malaysia* serta Hala Tuju Bidang Kaunseling Di Malaysia.

Di samping itu, KPT dan UA berusaha meningkatkan kedudukan dalam *QS World University Ranking By Subject* dengan menggalakkan penyelidikan bersama dan penerbitan dengan ahli akademik antarabangsa serta menjalin hubungan dengan majikan antarabangsa melalui program kebolehpasaran yang dijalankan oleh fakulti serta penempatan pelajar latihan industri di syarikat antarabangsa/multinasional.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
[BATU SAPI]**

**TARIKH** : **19.05.2016 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **21**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan dan menerangkan rancangan penyediaan bekalan elektrik dan paip air untuk kampung di Pulau Timbang di Kawasan Parlimen Batu Sapi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) adalah berdasarkan senarai keutamaan dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan bekalan air bersih dan bekalan elektrik di Pulau Timbang di Kawasan Parlimen Batu Sapi dan akan menyelaraskannya dengan senarai Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek di kawasan ini bergantung kepada skop projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM dan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.